

TEKS UCAPAN

NAIB CANSELOR UiTM

YANG BERBAHAGIA

PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH JANOR

SIDANG KE – 15 (PETANG)

ISTIADAT KONVOKESYEN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KE – 96

DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR

UiTM SHAH ALAM

28 MEI 2023 (AHAD)

Terima kasih pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim,

**ALHAMDULILLAHİ ROBBİL 'AALAMIİN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA
ASYRAFİL ANBIYAAI WAL MURSALIİN
WA 'ALAAAALIHI WASOHBİHI AJMA'İN.**

- Barisan Pengurusan Eksekutif Universiti
- Barisan Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para Ibu Bapa, Penjaga dan Graduan yang diraikan.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam
Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan **Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-96.**

2. Pada Sidang ke-15 ini, seramai 1,031 graduan dari **UiTM Cawangan Johor** dan **UiTM Cawangan Pahang** akan menerima Ijazah Sarjana Muda dan Diploma dalam bidang masing-masing. Mereka merupakan graduan daripada **Kolej Pengajian Seni Kreatif**, **Kolej Pengajian Kejuruteraan**, **Kolej Pengajian Pengkomputeran**, **Informatik dan Media**, **Fakulti Sains Gunaan**, **Fakulti Perniagaan dan Pengurusan**, **Fakulti Perladangan dan Agroteknologi**, **Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi**, **Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi** serta **Fakulti Perakaunan**.

3. Secara keseluruhannya, peratusan **Graduan Tamat Pengajian Dalam Tempoh** bagi UiTM Cawangan Pahang ialah **76%**, manakala UiTM Cawangan Johor, **79%**.

4. Tahniah saya ucapkan kepada para graduan di atas kegigihan dalam menamatkan pengajian. Sekalung penghargaan juga kepada ibu bapa dan penjaga di atas pengorbanan serta doa sehingga anak-anak ini berjaya. Syabas buat tenaga akademik serta pentadbir universiti yang turut sama berperanan membentuk acuan kejayaan ini.

Hadirin yang dihormati,

5. Alhamdulillah, peratusan kebolehpasaran graduan UiTM terkini bagi program Sains Gunaan, Sains Sukan dan Rekreasi, **89%**, program Sains Komputer dan Matematik, **90%**, program Perladangan dan Agroteknologi, **82%**, program Seni Lukis dan Seni Reka, **83%**, program Perakaunan, **92%**, program Kejuruteraan Awam, **96%**, program Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, serta program Perniagaan dan Pengurusan, **88%**.

6. Selaras dengan itu, UiTM menerima **Anugerah Universiti Pilihan Majikan** melalui **Penarafan Indeks Kebangsaan Kebolehpasaran Graduan** oleh **Talentbank**. Bidang Perakaunan, Seni Lukis dan Seni Reka, Pengkomputeran dan I.T adalah antara yang menerima skor **6 Bintang**, manakala, bidang Sains, Matematik dan Statistik pula menerima skor **5 Bintang**.

7. UiTM juga tersenarai dalam **QS World University Rankings by Subject 2023**, bagi 14 subjek. Antaranya, subjek Pengurusan dan Perniagaan yang berada dalam kedudukan **450 terbaik**, Perakaunan dan Kewangan **300 terbaik**, serta Sains Komputer dan Sistem Maklumat berada dalam kedudukan **650 terbaik dunia**.

Hadirin sekalian,

8. Agenda kebolehpasaran graduan UiTM terus diperkuuh melalui kejayaan universiti menjalankan kerjasama dengan industri serta organisasi di dalam dan di luar negara. Antaranya bersama Universitas Negeri Malang, Universitas Gadjah Mada, Indonesia, Chang Jung Christian University, Taiwan, Hasan Kalyoncu University, Turki, Tomsk State University, Russia, dan Leed Trinity University, United Kingdom.

9. Melalui kerjasama ini, para graduan berpeluang melibatkan diri dengan pelbagai program bermanfaat seperti program pertukaran pelajar, latihan industri dan lawatan akademik di serata dunia.

10. Contoh program yang telah dilaksanakan ialah, Lawatan ke Perbanas Institute, Indonesia, Virtual Mobility-Lecture Series, dan International Youth Innovation Ideation and Design Competition 2022. Pertukaran sesi kuliah turut dijalankan melalui Program Pengajian Asian bersama **Universiti Kansai Gaidai di Jepun**.

11. Penglibatan para graduan dengan aktiviti antarabangsa khususnya, akan mempertingkatkan kemahiran diri dan memperkuuhkan lagi pengetahuan dalam bidang masing-masing.

12. Kemenjadian mereka ini dapat kita dilihat melalui pencapaian yang diperolehi. Misalnya, **Saudari Nor Anis Syafika Zumi Azlan** telah menduduki tempat pertama, dengan memperoleh markah tertinggi di dunia bagi subjek Management Information dalam Peperiksaan Association of Chartered Certified Accountants, pada tahun lepas. Dalam bidang sukan pula, **Saudara Aniq Kasdan** telah meraih pingat **Emas** bagi kejohanan angkat berat dan **Saudari Nur Ain Nabilah Tarmizi** meraih pingat **Perak** bersama skuad trio boling padang negara dalam **Sukan Komanwel 2022, di Birmingham**. Seterusnya, pelajar istimewa, **Saudara Ahmad Hazal Kamrulzalis**, telah dinobatkan sebagai Tokoh OKU Muqarrabun, Negeri Kelantan 2022.

13. UiTM juga telah melahirkan ramai graduan yang relevan dan memenuhi keperluan pasaran. Saya yakin

para graduan mampu menjadi **Captains of Industry** dengan memainkan peranan meningkatkan taraf sosio-ekonomi negara.

14. Misalnya, alumni UiTM yang merupakan **C.E.O S.M.E Bank** iaitu Datuk Wira Dr Aria Putera Ismail. Mohd Aqmal Afiq Adnan, pengasas dan **C.E.O** kepada **Clazzy Sdn. Bhd.** Manakala, Shah Nizam Yasin Shah, **C.E.O Sime Darby Plantation** bagi Wilayah Riau Utara dan Aceh, yang merupakan alumni pakar dalam bidang perladangan. Saya yakin, para graduan juga mampu untuk menyumbang bakti seperti mereka. Insya-Allah.

Para graduan yang dikasihi,

15. Kejayaan yang diperolehi hari ini tidak mungkin akan dicapai tanpa sokongan serta doa daripada ibu bapa, penjaga dan keluarga. Jangan lupakan pengorbanan yang telah mereka lakukan.

16. Tahniah sekali lagi saya ucapkan. Semoga para graduan terus cemerlang dalam segala lapangan yang diceburi.

Duduk berbual di hujung anjung
Rimbun angsana meneduh pagi
Graduan global ilmu disanjung,
Membina bangsa warga MADANI.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.